



BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

PRESS RELEASE

Berita Harian, March 3, 2009

Bina Puri peroleh kontrak RM693j

BINA Puri Holdings Bhd mengumumkan ia memperoleh kontrak bernilai B\$288.737 juta (RM693 juta) bagi membina 2,000 unit rumah di Brunei.

Dalam kenyataan semalam, syarikat itu berkata, kontrak yang diberikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei bagi Skim Perumahan Nasional Brunei itu, akan dibina dalam tempoh 24 bulan.

Katanya, pembinaan rumah berserta dengan infrastruktur berkaitan, bakal dibangunkan di tapak seluas 150 hektar di kawasan Kampung Pandan, Wilayah Belait.

Ia berkata, 60 peratus daripada perumahan berkenaan akan membabitkan 1,200 unit rumah teres, manakala baki 40 peratus atau 800 unit adalah rumah berkembar.

“Sejajar dengan pencapaian dan pengalaman syarikat membangunkan beberapa projek besar lain dalam tempoh yang pantas dengan harga bidaan yang paling rendah, kami amat berbangga dipilih sebagai kontraktor utama untuk membangunkan projek perumahan terbabit.

“Penganugerahan projek perumahan itu menggambarkan satu lagi pengiktirafan syarikat dari segi kemampuan, kebolehan dan pengalamannya dalam mene-roka pasaran hartanah di luar negara, terutama di Brunei,” katanya syarikat itu sambil menambah ia adalah projek hartanah terbesar dari segi nilainya yang diperoleh oleh Bina Puri setakat ini.

Sebelum ini, Bina Puri menerusi anak syarikat yang diperbadankan di Brunei, Bina Puri (B) Sdn Bhd meraih dua kontrak bernilai RM33.6 juta di negara itu bagi kerja penanaman cerucuk di Sungai Liang Industrial Park, Kampung Lumut dan disiapkan sepenuhnya Ogos tahun lalu.

“Pemerolehan projek terbaru itu menandakan satu lagi kejayaan Bina Puri dalam pengembangannya di Brunei Darussalam sejak memperoleh projek di negara itu pada 2007. Selain Brunei, kami juga melaksanakan projek Thailand, Emiriyyah Arab Bersatu dan Pakistan.

“Dengan kontrak baru dalam tangan itu, nilai tempahan semasa kumpulan kini berjumlah RM2.7 bilion dan menjadikan membuatkan syarikat sibuk dalam tempoh dua tahun akan datang,” kata Bina Puri.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my